



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

EKSPORT HASIL PERTANIAN DI MALAYSIA KE AMERIKA SYARIKAT 1970-1990

LIEW YIH HUI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

EKSPORT HASIL PERTANIAN DI MALAYSIA KE AMERIKA SYARIKAT 1970-1990

LIEW YIH HUI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi




Sila tanda (\)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 15.....(hari bulan).....9..... (bulan) 2022.

i. Perakuan pelajar :

Saya, LIEW YIH HUI , M20191000846 , FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk EKSPORT HASIL PERTANIAN DI MALAYSIA KE AMERIKA SYARIKAT 1970-1990

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, NAZIRAH BINTI LEE (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk EKSPORT HASIL PERTANIAN DI MALAYSIA KE AMERIKA SYARIKAT 1970 - 1990

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

01-11-2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia

PROF. MADYA DR. NAZIRAH BINTI LEE
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kumanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: EKSPORT HASIL PERTANIAN DI MALAYSIA KE
AMERIKA SYARIKAT 1970-1990

No. Matrik / Matric's No.: M20191000846
Saya / I: LIEW YIH HUI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-



SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972



TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.



TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 31/10/2022

PROF. MADYA DR. NAZIRAH BINTI LEE

Jabatan Sejarah

Fakulti Sains Kemanusiaan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada ahli perkuasaan/organisasi berkaitan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Tuhan kerana berkat dan izin-Nya saya berjaya menyiapkan disertasi ini sebagai syarat untuk saya memperolehi Ijazah Sarjana Sastera dari Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Terlebih dahulu, saya ingin mengungkapkan penghargaan tidak terhingga buat penyelia Latihan Ilmiah saya iaitu Dr. Nazirah binti Lee yang telah banyak membantu dari segi bimbingan dan nasihat sepanjang proses saya menyempurnakan disertasi ini. Keprihatinan dan kesabaran beliau dalam memberikan tunjuk ajar walaupun dalam kesibukan sememangnya tidak dapat dinafikan. Ilmu yang dicurahkan sepanjang saya berada di bawah penyeliaan beliau merupakan sesuatu yang sangat bernilai dan tidak akan saya lupakan sepanjang hidup saya.

Selain itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya iaitu Encik Liew Kim How dan Puan Sunggoh Anak Rangi kerana sentiasa membantu saya dari segi kewangan dan memberikan dorongan semangat dalam proses menyiapkan Latihan Ilmiah. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan saya. Seterusnya saya juga ingin memberikan ribuan terima kasih kepada kakitangan Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur, Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris, dan Perpustakaan Universiti Malaya kerana banyak memberikan bantuan kepada saya untuk mendapatkan bahan-bahan yang mencukupi untuk menyempurnakan Latihan Ilmiah.





ABSTRAK

Kajian ini tentang eksport hasil pertanian dari Malaysia ke Amerika Syarikat pada tahun 1970-an hingga 1990-an. Struktur ekonomi pertanian di Malaysia mengalami perubahan menjelang tahun 1980-an kerana kerajaan Malaysia mula beralih kepada sektor perindustrian. Dengan itu, perdagangan pertanian Malaysia di pasaran antarabangsa mengalami perubahan yang besar. Sektor pertanian kemudiannya digantikan dengan sektor pembuatan pada tahun 1986. Ekoran itu, hubungan eksport Malaysia dengan Amerika mula menyusut, ia didorong oleh tindakan kerajaan yang menumpukan eksport hasil pertanian ke negara ASEAN. Tesis ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam pengumpulan dan analisis datanya. Perbincangan yang dikemukakan adalah berdasarkan penelitian terhadap sumber utama yang diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur dan Jabatan Perangkaan Negara seperti Buku Rasmi Tahunan Malaysia, Laporan Tahunan Pertanian, Laporan Ekonomi, Maklumat Perangkaan Pertanian, Perangkaan Tahunan Perdagangan, dan Penyata Rasmi Parlimen. Maklumat di dalam kajian ini juga berdasarkan kepada sumber sekunder yang diperoleh daripada koleksi Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Sarawak. Data yang dikumpul dianalisis dan ditulis dalam bentuk naratif. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa perkembangan eksport pertanian Malaysia dengan Amerika Syarikat boleh dibahagikan kepada dua peringkat yang memperlihatkan perbezaan dari sudut perancangan dan program pertanian yang dilaksanakan oleh kerajaan. Ia juga dibezakan melalui rakan perdagangan yang dijadikan sebagai destinasi pilihan bagi import dan eksport Malaysia ketika itu. Perkembangan berlaku dalam tempoh kajian ini didorong oleh dasar yang dijalankan oleh kerajaan dan juga faktor luaran seperti permintaan pasaran dunia, kemelesetan ekonomi global dan iklim ekonomi di Amerika Syarikat. Kajian ini menunjukkan bahawa sektor pertanian memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Penelitian kepada sejarah perdagangan Malaysia dengan Amerika Syarikat juga menunjukkan bahawa perancangan dan program pertanian yang dirangka dengan teliti adalah penting dalam usaha untuk meningkatkan ekonomi Malaysia.





EXPORT OF AGRICULTURAL PRODUCTS OF MALAYSIA TO THE UNITED STATES 1970-1990

ABSTRACT

This study is about Malaysia's agricultural products exported to the United States from 1970 to 1990. The structure of the Malaysian agricultural economy changed in the 1980s, as the government decided to promote the industrial sector. Simultaneously, Malaysia's agricultural trade in the international market experienced a drastic change. The agricultural sector was overtaken by the manufacturing sector in 1986, and the export relationship with the United States was diminished, as the export of agricultural products was focused on ASEAN countries. This thesis took a qualitative approach to data collection and analysis. The discussions are based on the scrutiny of primary sources obtained from the Malaysia National Archives Kuala Lumpur and the National Statistics Department as well as secondary sources from the collections of the Tuanku Bainun Library, Sultan Idris Education University, and Malaysia National Archives, Sarawak State Branch such as Official Yearbook of Malaysia, Annual Report of Agriculture, Economic Report, Agricultural Statistics, Annual Statistics of Trade, and Official Statement of Parliament. The study is presented in narrative form. Malaysia's agricultural exports to the United States are divided into two stages, which were marked by different characteristics in the agricultural plans and programs executed by the government as well as by the government's trade partners for import and export. The developments during the period of study reflect government policies as well as external factors, such as world market demand, a global economic downturn, and the economic climate of the United States. This study demonstrates that the agricultural sector played a significant role in the development of the Malaysian economy. The findings on the history of Malaysia's trade with the United States also suggest that thoughtfully devised agricultural plans and programs are vital to improving Malaysia's economy.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
--	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----



SENARAI RAJAH	xv
----------------------	----

SENARAI SINGKATAN	xvi
--------------------------	-----

BAB 1 PENGENALAN	
-------------------------	--

1.1 Pengenalan	1
----------------	---

1.2 Latar Belakang Kajian	2
---------------------------	---

1.3 Permasalahan Kajian	9
-------------------------	---

1.4 Objektif Kajian	11
---------------------	----

1.5 Metodologi Kajian	12
-----------------------	----

1.6 Kepentingan Kajian	15
------------------------	----





1.7 Skop Kajian	17
1.8 Sorotan Kajian Lepas	17
1.9 Pembahagian Bab	27
1.10 Kesimpulan	29

BAB 2 LATAR BELAKANG SEKTOR PERTANIAN DI MALAYSIA

2.1 Pengenalan	30
2.2 Rancangan Pembangunan Malaysia Tahun 1956-1970	31
2.2.1 Rancangan Malaysia Pertama (1956-1960)	32
2.2.2 Rancangan Malaysia Kedua (1961-1965)	34
2.2.3 Rancangan Malaysia Kedua (1966-1970)	35
2.3 Perkembangan Sektor Pertanian Malaysia	37
2.3.1 Era Sebelum Penjajahan	38
2.3.2 Zaman Penjajahan	38
2.3.3 Pembangunan Pertanian Selepas Kemerdekaan	46
2.4 Perubahan Struktur dan Kesannya	52
2.5 Dasar Pertanian Sebelum Tahun 1984	58
2.6 Program Dan Bantuan Pertanian	61
2.6.1 Pembangunan in-situ	62
2.6.2 Pembangunan Tanah Baharu	65
2.6.3 Khidmat Sokongan Pertanian	69





2.7 Masalah Dalam Sektor Pertanian	74
2.7.1 Masalah Kekurangan Buruh	74
2.7.2 Masalah Dalam Pengurusan Pertanian Negara	76
2.7.3 Pengeluaran Makanan	77
2.7.4 Pertanian Untuk Eksport	80
2.7.5 Persaingan Penggunaan Tanah	82
2.8 Penutup	84

BAB 3 ESKPORT HASIL PERTANIAN KE AMERIKA SYARIKAT

3.1 Pengenalan	85
3.2 Hubungan Ekonomi Antara Malaysia dan Amerika Syarikat	86
3.3 Jenis Eksport Pertanian ke Amerika Syarikat	89
3.3.1 Eksport Getah	90
3.3.2 Eksport Minyak Kelapa Sawit	97
3.3.3 Eksport Koko	105
3.3.4 Eksport Lada Hitam	110
3.3.5 Eksport Kelapa Mentah Atau Diproses	115
3.3.6 Eksport Nanas	120
3.4 Penutup	127



**BAB 4 PENDAPATAN MALAYSIA DARIPADA EKSPORT HASIL PERTANIAN KE AMERIKA SYARIKAT**

4.1 Pengenalan	129
4.2 Pendapatan Eksport Malaysia	130
4.3 Hasil Pendapatan Eksport Ke Amerika Syarikat	137
4.4 Perbandingan Antara Hasil Eksport Pertanian	144
4.5 Penutup	154

BAB 5 CABARAN DALAM HUBUNGAN PERDAGANGAN

5.1 Pengenalan	156
5.2 Masalah Luaran	157
5.2.1 Kenaikan Harga Minyak Petroluem	157
5.2.2 Peningkatan Inflasi di Amerika Syarikat	161
5.2.3 Pengurangan Produktiviti Industri	167
5.2.4 Persaingan Negara Pengeluar	170
5.2.5 Sekatan Perdagangan Daripada Amerika Syarikat	172
5.2.6 Ketidakstabilan Harga Komoditi	175
5.3 Masalah Dalaman	179
5.3.1 Daya Pengeluaran	180
5.3.2 Kadar Kemiskinan Kalangan Petani	187
5.3.3 Kekurangan Pembiayaan	191





5.3.4 Perkembangan Sektor Perindustrian	195
5.3.5 Inflasi Di Malaysia	199
5.4 Tindakan Yang Diambil Oleh Kerajaan	204
5.5 Penutup	209
BAB 6 PENUTUP	211
RUJUKAN	218





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
-------------------	-------------------

2.1 Size Tanah Pekebun Kecil	33
------------------------------	----

2.2 Keluasan Tanaman Utama, Malaysia 1960-1970 ('000 hektar)	49
--	----

2.3 Hasil Sehektar Bagi Tanam-tanaman Pertanian Terpilih 1950-1970, Malaysia	56
--	----

2.4 Program Pembangunan In-situ Berdasarkan Konsep IADP	63
---	----

2.5 Perbelanjaan Pembangunan Awam Untuk Program Pertanian Dalam Rancangan Lima Tahun (RM Bilion)	67
--	----

2.6 Aktiviti R&D oleh Pelbagai Agensi	69
---------------------------------------	----

2.7 Import makanan terpilih oleh Malaysia tahun 1970-1990 (RM Juta)	79
--	----

2.8 Keluasan Tanaman Utama Terpilih di Malaysia tahun 1970-1990 ('000 hektar)	83
---	----

3.1 Import Kelapa dan Hasil-hasil Kelapa, 1978-1980	117
---	-----

4.1 Eksport Barang Utama Malaysia, tahun 1970-1990	136
--	-----

4.2 Eksport Hasil Pertanian Utama Malaysia ke Amerika Syarikat,	144
---	-----

1970-1990

5.1 Eksport Minyak Petroluem Mentah Malaysia ke Amerika Syarikat, 1970-1990	159
---	-----





5.2	Perdagangan Import Dan Eksport Amerika Syarikat, 1970-1990	166
5.3	Keluasan Tanaman Utama di Malaysia, 1970-1990	181
5.4	Keluasan Kebun Kelapa yang Diluluskan Mengambil Bahagian di Dalam Tahun 1975	185
5.5	Peruntukan Perbelanjaan Sektor Awam dari Rancangan Malaysia Kedua hingga Rancangan Malaysia Kelima	194
5.6	Malaysia: Harga-harga Eksport Bagi Barang-barang Utama, 1970-1975 (\$ satu tan)	200
5.7	Harga-harga Import Mengikut <i>Standard International Trade Classification (SITC)</i> , 1970-1975	201





SENARAI RAJAH

No. rajah	Muka Surat
2.1 Peruntukan kerajaan untuk pembangunan pertanian	32
2.1 Tanaman Utama di Bawah Pemerintahan Kolonial (hektar ‘000)	44
2.2 Eksport mengikut komoditi Persekutuan Tanah Melayu Tahun 1956	45
2.3 Kadar Pertumbuhan Sektor Pertanian dari tahun 1965 hingga 1990 (peratus setiap tahun)	52
2.4 Sumbangan Sektor Pertanian dalam Keluaran Kasar dalam Negara pada harga-harga Tetap	54
2.5 Rumusan Perangkaan Pengeluaran Barang Pertanian 1950-1970, Malaysia.	56
2.7 Malaysia : Guna tenaga dalam Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan (peratus).	77
4.1 Eksport Barang Utama Malaysia, tahun 1970-1990	135
4.2 Hasil Pendapatan Eksport Malaysia ke Amerika Syarikat, tahun 1970-1990	138
5.1 Kadar Inflasi di Amerika Syarikat dalam tahun 1972-1981	163
5.2 Kadar Pengangguran Amerika Syarikat, 1978-1990	169





5.3	Harga Komoditi Eksport Utama, 1970-1990	177
5.4	Pengeluaran Komoditi Utama, 1970-1990	178
5.5	Import Kelapa Kering, tahun 1978-1980	184
5.6	Jumlah Keluarga Miskin di Kawasan Luar Bandar Semenanjung Malaysia tahun 1970-1990	190
5.7	Perbelanjaan Pelan Pembangunan bagi Sektor Ekonomi, 1966-1990	198





SENARAI SINGKATAN

ASA	<i>American Soybean Association</i>
APEC	<i>Asia-Pacific Economic Cooperation</i>
AMCHAM	<i>American Malaysian Chamber of Commerce</i>
BERNAS	Padiberas Nasional Berhad
BTAC	<i>Bilateral Training & Cooperation</i>
DARA	Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara
DOA	<i>Department Of Agriculture Federated Malay States</i>
DPN	Dasar Pertanian Negara
DPN1	Dasar Pertanian Negara Pertama
DVS	<i>Department Of Veterinary Services Malaysia</i>
EAEG	<i>East Asia Economy Group</i>
EEC	<i>European Economic Community</i>
FAMA	<i>Federal Agricultural Marketing Authority</i>
FELDA	<i>Federal Land Development Authority</i>
FELCRA	<i>Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority</i>
FIMA	<i>Food Industry Malaysia Authority</i>





FMS	<i>Foreign Military Sales</i>
FRIM	<i>Forest Research Institute Malaysia</i>
FTZ	<i>Free Trade Zone</i>
GMP	<i>Government Guaranteed Minimum Price</i>
GSA	Stok Penimbal
GSP	<i>General System of Preferences</i>
LKM	Lembaga Koko Malaysia
IADP	Lembaga Pemasaran Lada dan Rancangan Pembangunan Pertanian Bersepadu
IMET	<i>The International Military Education Training</i>
IADP	<i>Integrated Agricultural Development Project</i>
IPA	<i>International Pepper Community</i>
ISA	<i>Internal Security Act 1960</i>
JPLH	Jemaah Pemasaran Lada Hitam
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia
KADA	<i>Kemubu Agricultural Development Authority</i>
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KEE	Kesatuan Ekonomi Eropah
KEDA	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah
KEJORA	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara





KESEDAR Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan

KETENGAH Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah

LKM Lembaga Koko Malaysia

LKIM Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

LPP Lembaga Pertubuhan Peladang

LPPGM Lembaga Pemasaran dan Pelesenan Getah Malaysia

LPNTM Perusahaan Nenas Tanah Melayu

MADA *Agricultural Development Authority*

MAEI *Malaysian American Electronic Cooperation*

MARDI *Malaysian Agricultural Research and Development Institute*



MCB *Malaysian Cocoa Board*

MFA *Multi Fiber Arrangement*

MFN *Most-Favoured Nation*

MPIB *Malaysian Pineapple Industry Board*

MRDC *Malaysian Rubber Development Coporation Berhad*

MTN *Multilateral Trade Negotiations*

NAFTA *North American Free Trade Agreement*

NEI *Netherlands East Indies*

NHSA *National Heart Savers Association*





OECD	<i>Organisation for Economic Co-operation and Development</i>
OPEC	<i>Organization Petroleum Exporting Countries</i>
PCM	<i>Pineapple Cannery of Malaysia</i>
PERDA	Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang
PIP	Pelan Induk Perindustrian
PIA	<i>Promotion Of Investment Act</i>
PKEN	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri
PLA	Pelaburan Langsung Asing
PORIM	<i>Malaysian Palm Oil Board</i>



PORLA	<i>Palm Oil Registration and Licensing Authority</i>
R&D	<i>Research and Development</i>
RISDA	<i>Rubber Industry Smallholders Development Authority</i>
RMK-2	Rancangan Malaysia Kedua
RMK-3	Rancangan Malaysia Ketiga
RMK-5	Rancangan Malaysia Kelima
RRIM	<i>Rubber Research Institute of Malaysia</i>
RPPKK	Rancangan Pembangunan Pekebun Kecil Kelapa
RSS1	<i>Ribbed Smoked Sheets Gred 1</i>
SMR	<i>Standard Malaysia Rubber</i>





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XX

TAS *Technical Advisory Services*

TLB Tarif Luar Bersama

UMP *United Malayan Pineapple Canners and Growers*

USSR *Union of Soviet Socialist Republics*



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pengenalan

Penamatan pemerintahan British membawa perubahan kepada perdagangan hasil pertanian di Malaysia. Sepanjang tempoh 1970 hingga 1990, kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar ekonomi yang berkaitan dengan pertanian seperti Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pertanian Negara Pertama namun pertanian masih mengalami kemerosotan. Fokus kajian ini adalah untuk menilai cabaran hubungan eksport hasil pertanian di Malaysia dengan Amerika Syarikat dan kesannya sepanjang tempoh kajian. Ringkasnya kajian ini adalah untuk memperlihatkan bagaimana perubahan globalisasi dan perkembangan ekonomi Malaysia memberikan kesan kepada





perkembangan eksport hasil pertanian Malaysia ke Amerika Syarikat tahun 1970 hingga 1990. Hasil kajian ini diharapkan akan memberikan gambaran sejauh mana ia berperanan dalam perkembangan ekonomi negara.

1.2 Latar Belakang Kajian

Malaysia merupakan negara pengeluar hasil pertanian namun tetap mengimport barang makanan dan perlilangan.¹ Import juga merangkumi haiwan ternakan, minuman, makanan dan bahan mentah. Rakan perdagangan eksport yang penting Malaysia sejak tahun 1960-an ialah United Kingdom, Belanda, diikuti Amerika Syarikat.² Selain itu, perdagangan eksport juga dijalankan dengan rantau ASEAN, Hong Kong, India dan Perancis. Manakala dari aspek import, United Kingdom merupakan penjual terbesar diikuti oleh Hindia Timur Belanda, Siam dan Amerika Syarikat.³

Keadaan ini meningkatkan lagi aktiviti hubungan perdagangan antarabangsa, yang juga merupakan satu sumbangan yang penting bagi menentukan pengagihan sumber dan pendapatan, selain daripada menjadi punca kepada masalah ketidakstabilan dan turun naik ekonomi yang dihadapi oleh Malaysia kerana kebergantungan kepada aktiviti eksport. Selepas penubuhan Malaysia, ekonomi negara masih berorientasikan kepada kegiatan eksport. Misalnya, semenjak tahun 1970 jumlah eksport Malaysia berterusan meningkat dan sektor ini telah memberikan sumbangan purata kepada

¹ Li D. J. (1982). *British Malaya: An Economic Analysis*. Kuala Lumpur: Institut Analisa Sosial (INSAN). Hlm. 42.

² *Ibid.* Hlm. 48.

³ *Ibid.* Hlm.52.



Pendapatan Negara Kasar melebihi 70 peratus.⁴ Pergantungan kepada hubungan perdagangan antarabangsa misalnya dengan negara Amerika Syarikat juga menunjukkan bahawa struktur ekonomi negara bergantung kepada hasil eksport barang utama sebagai komponen penting Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Walaupun sumbangannya kepada peratusan KDNK sepanjang tahun 1970 hingga 1990 berubah-ubah, tetapi corak perdagangan antarabangsa mempengaruhi aktiviti pengeluaran dan kegiatan ekonomi negara bagi tempoh yang panjang. Misalnya, pendapatan dari barang pertanian untuk sekian lama menyumbang kepada 70 hingga 85 peratus daripada hasil pendapatan eksport (\$ 586,235 juta) sepanjang tahun 1970 hingga 1990.⁵ Jumlah import pula menunjukkan bahawa kira-kira 50 hingga 60 peratus terdiri daripada barang kegunaan dan kira-kira lapan peratus terdiri daripada barang modal.



Eksport negara antara tahun 1960-an hingga tahun 1980-an, kebanyakannya ke negara Barat dan Jepun terutamanya eksport komoditi primer seperti hasil pertanian. Misalnya pada tahun 1975, eksport ke United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia, Jerman barat dan Belanda merangkumi 53.6 peratus. Manakala eksport ke negara ASEAN adalah lebih sedikit iaitu 24.2 peratus sahaja.⁶ Keadaan ini menunjukkan bahawa, hubungan perdagangan dengan negara Barat semakin meningkat selepas tahun 1960. Import utama negara kemudian mula beralih dari Singapura kepada Amerika Syarikat. Menjelang tahun 1990-an, ASEAN merupakan rakan dagangan utama Malaysia diikuti oleh Amerika Syarikat, Jepun dan Kesatuan Eropah. Daripada jumlah

⁴ Rohaini Mustafa & Hairunnizam Wahib. (1998). *Makroekonomi Malaysia Perspektif Dasar: Dasar Perdagangan dan Pembangunan Ekonomi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 18.

⁵ Chamhuri Siwar. (1989). *Dasar Ekonomi Malaysia dalam Ekonomi Malaysia: Perubahan Struktur, Masalah dan Prospek*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 21.

⁶ Habibah Lehar. (2008). *The Malaysian Economy Past and Present*. Shah Alam: University Publication Center (UPENA). Hlm. 260.

eksport tahun 1990, sebanyak 25.1 peratus telah dieksport ke Amerika Syarikat dan 17.5 peratus ke negara Kesatuan Eropah.⁷ Jelas bahawa sehingga tahun 1990, kedudukan Amerika Syarikat sebagai rakan perdagangan Malaysia masih penting terutamanya melalui aktiviti eksport hasil pertanian.

Eksport dan import barang hasil pertanian mengalami perubahan mengikut permintaan serta harga pasaran antarabangsa dan juga pelaksanaan pelbagai dasar pembangunan negara. Sebelum merdeka sehingga tahun 1965, kira-kira 60 peratus daripada jumlah eksport negara (\$ 1.33B) adalah getah.⁸ Sumbangan eksport hasil pertanian lain adalah seperti getah dan kelapa sawit. Pada akhir 1960-an, getah masih merupakan komoditi eksport terpenting Malaysia. Selain itu, eksport kelapa sawit juga mula meningkat dengan pesat pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 17.3 peratus.

Jumlah eksport mulai tahun 1970 meningkat kerana peningkatan harga bahan mentah pertanian disebabkan kenaikan pesat dalam aktiviti ekonomi negara perindustrian dan keadaan bekalan yang ketat. Mulai tahun 1971, 1972 dan 1975, pertumbuhan eksport bagaimanapun negatif kerana kemerosotan ekonomi negara yang berdagang dengan Malaysia seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom telah mengurangkan import pertanian dari Malaysia terutamanya getah disebabkan mogok yang berlaku dalam perusahaan kereta.⁹ Namun mulai tahun 1979, berlaku peningkatan eksport akibat kenaikan harga getah dan pertambahan belian susu getah cair dan getah kering Soviet Union, China dan Amerika Syarikat. Menjelang tahun 1980-an, eksport mulai merosot disebabkan kemerosotan harga eksport barang pertanian negara seperti getah dan

⁷ *Ibid.* Hlm. 35.

⁸ Rohaini Mustafa & Hairunnizam Wahib. (1998). *Makroekonomi Malaysia Perspektif Dasar: Dasar Perdagangan dan Pembangunan Ekonomi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 183.

⁹ Habibah Lehar. (2008). *The Malaysian Economy Past and Present*. Shah Alam: University Publication Center (UPENA). Hlm. 278.



meningkat semula mulai tahun 1987 setelah harga getah dan minyak kelapa sawit meningkat.

Import hasil pertanian seperti bahan makanan dari tahun awal sehingga akhir 1960-an pula semakin menurun disebabkan oleh Dasar Penggantian Import dan kemajuan dalam pengeluaran bahan makanan terutamanya pengeluaran beras Malaysia untuk menampung keperluan penduduk.¹⁰ Pengimportan makanan termasuk makanan ternakan, melebihi 50 peratus dari jumlah keperluan Malaysia untuk pelbagai bahan, 60 peratus dari jumlah import pertanian Malaysia terdiri daripada keluaran tenuus, gandum, makanan ternakan dan gula.¹¹ Justeru itu, untuk mengurangkan import bahan makanan, kerajaan meningkatkan pengeluaran makanan selain mengurangkan kos import. Import mulai tahun 1980-an menunjukkan nilai yang tinggi akibat jumlah import yang tinggi tetapi lebih tertumpu kepada barang pelaburan dan perantaraan ekoran peningkatan sektor perkilangan dan pembinaan. Selain itu, berlaku kenaikan harga eksport oleh negara Eropah Barat. Import negara terus berlaku peningkatan sehingga tahun 1990 disebabkan permintaan tinggi ekoran peningkatan pembangunan perusahaan pelbagai projek, kegiatan pembinaan dan import kelengkapan pengangkutan.

Kesan penting daripada pergantungan kepada sektor eksport barang utama ialah ketidakstabilan ekonomi yang dipengaruhi oleh turun naik harga barang utama dalam pasaran antarabangsa. Oleh sebab pendapatan negara bergantung kepada pendapatan eksport, maka ketidakstabilan pendapatan eksport juga menyebabkan ketidakstabilan pendapatan negara selain mempengaruhi pertumbuhan dan

¹⁰ Rohaini Mustafa & Hairunnizam Wahib. (1998). *Makroekonomi Malaysia Perspektif Dasar: Dasar Perdagangan dan Pembangunan Ekonomi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 183.

¹¹ Institut Analisa Sosial (INSAN). (1980). *Dasar-dasar Ekonomi Mahathir*. Kuala Lumpur: Institut Analisa Sosial (INSAN). Hlm. 109.



pembangunan ekonomi negara pada keseluruhannya. Misalnya, pada tahun 1960, sektor pertanian menyumbang 33 peratus kepada KDNK dan menurun kepada 29 peratus tahun 1970 diikuti 23 peratus tahun 1980. Pada tahun 1990 sektor ini terus menurun kepada 19 peratus.¹²

Oleh itu, bermula tahun 1970-1990, kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan hasilnya telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia pada awal tahun 1970-an. Strategi utama yang digunakan untuk mencapai DEB melibatkan dua elemen iaitu pembangunan pesat sektor bukan pertanian seperti pembuatan dan juga pembangunan sektor pertanian secara *in-situ* (memulihkan kawasan berproduktiviti rendah).¹³ Di bawah DEB, Malaysia memberikan penekanan kepada pelan pembangunan dan kemudian membawa kepada pertumbuhan ekonomi pada tahun 1970-an. Buktinya, pada tahap awal pembangunan sehingga akhir 1970-an pencapaian sektor pertanian sangat menggalakkan kerana Kerajaan melakukan banyak pelaburan dalam pembukaan tanah baharu untuk pertanian, program penanaman semula getah, pelbagai tanaman serta pembinaan dan menambahbaik sistem pengairan dan saliran.¹⁴

Walau bagaimanapun, sejak 1980-an, sektor pertanian mula memperlihatkan aliran menurun dan merosot disebabkan beberapa faktor seperti kejatuhan harga eksport komoditi utama dan kenaikan harga import keperluan ladang.¹⁵ Peratusan sumbangan sektor pertanian kepada KDNK semakin menurun. Begitu juga dengan eksport sektor

¹² Mohd Ariff et all (1994). *Malaysia's Economy In The Nineties*. Selangor: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd. Hlm. 66.

¹³ Habibah Lehar. (2008). *The Malaysian Economy Past and Present*. Shah Alam: University Publication Center (UPENA). Hlm. 63.

¹⁴ Mohd Rosli & Mohamed Aslam. (2000). *Pembangunan Ekonomi Malaysia Era Globalisasi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Hlm. 139.

¹⁵*Ibid.*

pertanian semakin rendah dibandingkan dengan sektor lain. Selain itu, perubahan ekonomi dari rakan perdagangan penting seperti Amerika Syarikat turut menjelaskan pendapatan eksport hasil pertanian Malaysia. Misalnya tindakan Amerika Syarikat yang menyekat import minyak kelapa sawit dari Malaysia menjelang tahun 1980-an untuk melindungi industri minyak kacang soya telah memudaratkan ekonomi Malaysia kerana merupakan komoditi utama bagi eksport Malaysia. Arah aliran yang menurun dalam sektor pertanian telah mendesak kerajaan untuk menggubal Dasar Pertanian Negara Pertama (DPN1) pada tahun 1984. Pelancaran Dasar Pertanian Negara Pertama (DPN1) juga meningkatkan lagi pendapatan daripada kegiatan pertanian ke paras yang maksimum menerusi penggunaan sumber secara cekap dan mempergiatkan semula sumbangan sektor pertanian kepada kemajuan ekonomi keseluruhannya.¹⁶ DPN1 yang dilancarkan pada Januari tahun 1984 menyediakan hala tuju kepada strategi pembangunan sektor pertanian (kegunaan negara dan meningkatkan eksport) serta rangka kerja jangka panjang untuk pembangunannya menjelang tahun 2000. Di bawah DPN1 rancangan Pembangunan Tanah Baharu melibatkan agensi seperti *Federal Land Development Authority* (FELDA) dan *Rubber Industry Smallholders Development Authority* (RISDA) dilaksanakan untuk memanfaatkan tanah terbiar untuk tujuan pertanian.¹⁷ Pembangunan *In-situ* juga dilaksanakan bertujuan meningkatkan pengeluaran di kawasan pertanian sedia ada dengan memberikan bantuan infrastruktur dan bantuan sokongan lain termasuk latihan, penyediaan kredit dan subsidi, aktiviti pemprosesan dan pemasaran serta agensi *Research and Development* (R&D).¹⁸ Namun

¹⁶ Rancangan Malaysia kelima 1986-1990. (1986). Kuala Lumpur: Jabatan Pencetakan Negara. Hlm. 333.

¹⁷ *Ibid.* Hlm. 334.

¹⁸ Habibah Lehar. (2008). *The Malaysian Economy: Past and Present*. Shah Alam: University Publication Center (UPENA). Hlm. 134.

begitu, sumbangan barang pertanian ke atas jumlah eksport Malaysia terus menurun sehingga 1993 walaupun meningkat sedikit pada tahun 1970.

Keadaan ini dipengaruhi oleh hasrat Malaysia yang mula melangkah ke “era perindustrian baru” yang kemudian melahirkan satu rangka perancangan di sektor perindustrian iaitu apa yang dikenali sebagai Pelan Induk Perindustrian (PIP) yang dilancarkan pada tahun 1986. Kerajaan mula memberikan perhatian kepada perindustrian yang berorientasikan eksport. PIP telah mengenal pasti 12 industri asas yang akan memperluaskan perindustrian. Daripada jumlah 12, tujuh adalah industri berasaskan sumber, sementara yang lain ialah industri bukan berasaskan sumber.¹⁹ Walaupun begitu, industri berasaskan sumber masih berasaskan pertanian misalnya industri produk getah dan minyak kelapa sawit serta industri pemprosesan makanan untuk dieksport.

Pada tahun 1990, eksport hasil pertanian hanya 19 peratus daripada jumlah eksport negara (\$ 79,549 juta) berbanding dengan 45 peratus pada tahun 1980 (\$ 28,172 juta).²⁰ Jelas bahawa peratusan rendah jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelum 1990 kerana eksport keluaran pertanian telah dipelbagaikan secara berterusan. Pertanian Malaysia mengalami penurunan kerana negara membangun lain turut mempunyai pertanian yang besar. Selain itu, peningkatan mendadak sumbangan barang pembuatan atas eksport negara dari 22 peratus pada tahun 1980 kepada 59 peratus pada tahun 1990.²¹ Peningkatan sumbangan barang pembuatan tersebut

¹⁹ Faridah Shahadan & Madeline Berma. (1998). *Pelan Induk Perindustrian: Faktor Penghambat Pencapaian Dasar Ekonomi Baru dalam Ekonomi Malaysia: Beberapa Isu Utama*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 63.

²⁰ Habibah Lehar. (1998). *Ekonomi Malaysia: Pembangunan Ekonomi dan Teknik Peperiksaan*. Selangor: BIROTEKS Institut Teknologi MARA. Hlm. 45.

²¹ Mariani Abdul Majid & M.d Zahir Kechot. (1998). *Makroekonomi Malaysia Perspektif Dasar: Struktur Pertumbuhan Ekonomi Negara Sehingga 1995*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 24.

terutamanya sekali keluaran elektrik elektronik dan jentera sebahagian besar dieksport menuju negara maju. Ini menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai hubungan ekonomi dengan negara perindustrian utama seperti Amerika Syarikat dan Jepun.

Ringkasnya, Malaysia merupakan negara yang bergantung kepada eksport untuk memajukan ekonominya. Sebagai negara pertanian, Malaysia merupakan pengeksport hasil pertanian yang utama terutamanya dengan Amerika Syarikat sejak tahun 1960-an namun mulai merosot sejak tahun 1970-an. Justeru itu, kajian terhadap eksport hasil pertanian dengan Amerika Syarikat adalah perlu diperdalam.

1.3 Permasalahan Kajian

Struktur ekonomi Malaysia mulai mengalami perubahan menjelang tahun 1980-an di mana sumbangan sektor pembuatan mula menyaingi sektor pertanian. Perubahan ini mempengaruhi perdagangan pertanian Malaysia terutamanya dalam pasaran antarabangsa kerana perhatian mula beralih kepada sektor perindustrian. Justeru itu, sejarah latar belakang pertanian di Malaysia harus diperdalam untuk memperlihatkan pembaharuan dan perubahan terhadap sektor pertanian sepanjang tempoh 1970 hingga 1990.

Dalam jangka masa 20 tahun, jumlah sumbangan perdagangan luar Malaysia kepada KDNK menunjukkan penambahan di mana berlaku penambahan, iaitu dari 77.06 peratus pada tahun 1970 kepada 98.83 peratus pada tahun 1990.²² Perkara ini menunjukkan bahawa peranan perdagangan antarabangsa penting dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia. Dalam hubungan perdagangan antarabangsa,

²² *Ibid.* Hlm. 23.

Amerika Syarikat merupakan pasaran eksport terpenting dan utama bagi hasil pertanian Malaysia sejak tahun 1960-an. Malah Amerika Syarikat merupakan negara keempat terbesar bagi pasaran eksport Malaysia selepas negara China, Singapura dan Jepun pada tahun 1990-an.²³ Justeru itu, aktiviti perdagangan eksport hasil pertanian Malaysia dengan Amerika Syarikat tidak harus diabaikan kerana kepentingannya terhadap hasil pendapatan perdagangan antarabangsa Malaysia. Walaupun begitu, eksport hasil pertanian ke Amerika Syarikat semakin menurun terutamanya menjelang penghujung tahun 1980-an. Perkara ini diburukkan lagi apabila Amerika Syarikat mengenakan pelbagai sekatan dan peraturan sebagai alasan untuk mengurangkan import komoditi utama dari Malaysia demi menjaga kepentingan ekonomi Amerika Syarikat sendiri.

Amerika Syarikat juga merupakan pasaran eksport utama, sumber pelaburan langsung asing dan teknologi tinggi, serta kunci utama kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam mencapai status negara membangun. Malah Amerika Syarikat merupakan pelabur keempat terbesar di Malaysia. Namun Malaysia dan Amerika Syarikat sering menghadapi pelbagai cabaran yang membawa ketegangan kepada hubungan kedua-dua negara dalam tempoh tahun 1970-1990. Ekonomi Malaysia juga bergantung kepada hubungan perdagangan dengan Amerika Syarikat terutamanya eksport yang meliputi komoditi utama seperti hasil pertanian. Kebergantungan yang keterlaluan menjadi kurang menguntungkan kerana ekonomi negara yang tidak stabil dan permintaan pasaran dunia yang turun naik akibat pelbagai cabaran dankekangan dari luar dan dalam negara. Keadaan ini membawa kepada wujudnya Dasar Pandang ke Timur sebagai salah satu inisiatif bagi mengurangkan pergantungan Malaysia

²³ Jan B. Rinehart. (2015). *Malaysia: Background and United States Relations*. Congressional Research Service: Analyst Asian Affairs. Hlm. 8.



kepada satu-satu negara seperti Amerika Syarikat. Namun ini tidak bermakna Malaysia mengurangkan hubungan perdagangannya dengan Amerika Syarikat. Justeru itu, bentuk tindakan Malaysia memperjuangkan ekonominya sebagai negara dunia ketiga dan sedar bahawa kehadiran Amerika Syarikat sebagai rakan perdagangannya adalah perlu untuk tujuan pembangunan ekonomi adalah perkara yang penting untuk diperlihatkan keberkesanannya. Oleh itu, cabaran dalam hubungan perdagangan antara Malaysia dan Amerika Syarikat adalah penting untuk diberi perhatian sebelum melihat kepada tindakan dan perancangan yang diambil oleh kerajaan. Selain itu, hubungan perdagangan Malaysia dan Amerika Syarikat sebagai pasaran penting bagi eksport hasil pertanian perlu diketengahkan kerana pengkajian terhadapnya tidak mendapat perhatian dalam pengkajian terdahulu.



1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah :

1. Mengkaji latar belakang pertanian di Malaysia tahun 1970 hingga 1990.
2. Menganalisis eksport hasil pertanian Malaysia ke Amerika Syarikat tahun 1970 hingga 1990.
3. Menganalisis pendapatan eksport hasil pertanian Malaysia ke Amerika Syarikat tahun 1970 hingga 1990.
4. Menilai cabaran dalam hubungan eksport hasil pertanian di Malaysia dengan Amerika Syarikat tahun 1970 hingga 1990.



1.5 Metodologi Kajian

Di dalam penyelidikan dan penulisan kajian ini, pengkaji melaksanakan penyelidikan dengan menggunakan kaedah kualitatif sebagai panduan untuk mendapatkan hasil kajian. Pendekatan kualitatif diaplikasikan dalam proses pengumpulan data dan menganalisis data kajian ini. Untuk itu, penulis telah mengaplikasikan metodologi yang relevan iaitu :

- i) Kaedah Pengumpulan Data
- ii) Kaedah Analisis Data
- i) Kaedah Pengumpulan Data

Pada peringkat awal, pengumpulan data dijalankan melalui penyelidikan kepustakaan bagi mencari bahan-bahan berkaitan dengan perkembangan pertanian di Malaysia sehingga kepada hubungan perdagangan antarabangsa sejak penubuhan Malaysia sehingga 1990-an. Kajian perpustakaan membolehkan penyelidik mempunyai sedikit pemahaman tentang kajian sebelum pengkajian lebih mendalam dijalankan. Dalam hal ini, penyelidik akan mengkaji dan menganalisis buku, kertas seminar, kajian ilmiah, jurnal, artikel, tesis dan bahan literasi yang berkaitan dengan kajian. Dalam mendapatkan data kajian perpustakaan, penulis menggunakan khidmat beberapa perpustakaan, seperti Perpustakaan Negara, Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Arkib Negara Kuala Lumpur serta beberapa Perpustakaan lainnya untuk menyokong kajian penyelidik. Secara tidak langsung, kajian perpustakaan membolehkan penyelidik mendapatkan sumber sekunder. Bukan itu sahaja, penyelidik juga merujuk kepada buku, tesis dan jurnal yang



boleh diperolehi daripada perpustakaan atau secara talian bagi menyempurnakan kajian ini.

Penyelidik turut menjadikan dokumen berbentuk primer sebagai rujukan utama. Seterusnya, penyelidik menggunakan kaedah menganalisis dokumen untuk mendapatkan data dan maklumat yang tepat. Pengkaji juga mendapatkan sumber primer yang berkaitan di Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur bagi memahami dan mengkaji ekonomi di Malaysia khususnya perdagangan pertanian Malaysia selepas penubuhan Malaysia. Antara dokumen yang penting dirujuk oleh pengkaji ialah Laporan Ekonomi, Laporan Tahunan Malaysia, Laporan Tahunan Jabatan Pertanian Malaysia, Rancangan Malaysia, Hansard Parlimen, Laporan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Laporan Jabatan Perangkaan Perdagangan Luar dan lain-lain yang berkaitan dengan kajian.



ii) Kaedah Analisis Data

Apabila semua data yang diperlukan sudah dikumpulkan melalui kaedah yang telah disebutkan di atas, olahan dan analisis data tersebut dilakukan seperti berikut:

Kaedah Induktif

Kaedah ini digunakan penyelidik untuk mengumpulkan maklumat secara berterusan bagi menjelaskan masalah yang dikaji dan kemudiannya diadaptasi untuk mencari hubungan antara fakta atau keterangan terkumpul untuk membentuk suatu gagasan fikiran. Bagi pengaplikasian kaedah tersebut dalam kajian ini, beberapa isu dan peristiwa membentuk perkembangan latar belakang pertanian di Malaysia telah dihubungkan dan disusun seperti yang terdapat pada bab II kajian ini. Begitu juga dengan beberapa bentuk hubungan yang membawa kepada perdagangan antara



Malaysia dan Amerika Syarikat dan penjelasan kepada kadar eksport hasil pertanian antara dua negara seperti yang terdapat dalam bab tiga.

Kaedah Deduktif

Kaedah deduktif pula merupakan kaedah menganalisis dan mengolah penulisan berdasarkan kepada analisis untuk mencari kebenaran berasaskan kepada bukti umum kepada perkara khusus. Justeru berdasarkan kepada bentuk hubungan dan cabaran dalam hubungan eksport Malaysia dengan Amerika Syarikat yang dimuatkan dalam bab dua dan tiga, pengkaji akan menjadikannya sebagai panduan dalam menilai dan mengulas bab empat dan lima tersebut. Dengan mengaplikasikan kaedah ini akan memudahkan lagi proses menganalisis, menghurai dan membuat kesimpulan dengan lebih bermakna berdasarkan data yang berbentuk umum tersebut. Ini merangkumi penulisan yang berbentuk naratif supaya dapat dinyatakan dengan lebih baik dan tersusun.

Kaedah Komparatif

Kaedah Komparatif ini pula digunakan bagi melakukan perbandingan antara sumber yang diperolehi dan melihat kesinambungan yang mungkin terdapat di kalangan sumber tersebut. Perbandingan ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan dan persamaan, serta mendapatkan maklumat yang benar dan tepat daripada maklumat yang ada. Ia juga digunakan dalam mengenal pasti latar belakang pertanian dan metodologi kajian sejarah hubungan perdagangan Malaysia dengan Amerika Syarikat melalui perbandingan antara karya yang terpilih.

Seterusnya dalam penulisan, pengkaji menggunakan pendekatan naratif dan penulisannya ditulis secara kronologis iaitu penceritaan berdasarkan *common sense* dan



tidak mengendahkan teori atau konsep ilmu sosial yang lain. Penulisan akan disusun dan diuraikan dalam bentuk penceritaan. Penulisan ini boleh dilihat dalam bab dua dan tiga yang memuatkan latar belakang pertanian di Malaysia dan bentuk hubungan atau kerjasama perdagangan yang terjalin antara Malaysia dan Amerika Syarikat.

Selain itu, pengkaji juga menggunakan pendekatan analitikal yang menuntut pengkaji menggunakan pemikiran, kupasan, olahan dan renungan yang mendalam. Perkara yang dipersoalkan ialah permulaan dan akhiran proses sejarah. Pengkaji akan melakukan penelitian, menganalisis dan menilai sumber yang asli serta mengembangkan fakta. Bentuk penulisan ini digunakan dalam bab lima yang memuatkan cabaran hubungan eksport hasil pertanian Malaysia dengan Amerika Syarikat.



1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk memberikan maklumat lebih mendalam tentang hubungan eksport hasil pertanian Malaysia selepas tahun 1970. Hal ini kerana, tempoh kajian ini merangkumi tahun pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) iaitu bermula tahun 1970 dan berakhir pada tahun 1990 (selama 20 tahun). Selain itu, pada tempoh tersebut, tiga rancangan lima tahun iaitu Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970) hingga Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980) turut dilaksanakan. Selain itu, Dasar Pertanian Negara Pertama (DPN1) yang dilaksanakan antara tahun 1984-1991 dan Dasar Perindustrian Negara tahun 1986 turut mempengaruhi kajian yang dijalankan pada tempoh ini. Walaupun terdapat pelbagai rancangan dan dasar kerajaan dilaksanakan sepanjang tempoh kajian, namun eksport pertanian menunjukkan kadar yang menurun dan merosot. Justeru kajian ini penting memperlihatkan sama ada



cabaran dalam hubungan antara Malaysia dan Amerika Syarikat yang membawa kepada kemerosotan eksport pertanian.

Selain itu, kesan daripada aktiviti perdagangan pertanian Malaysia dengan Amerika Syarikat adalah penting untuk diperlihatkan. Hal ini kerana, kesan hasil hubungan tersebut telah membentuk negara Malaysia yang kini baik dari segi dasar yang dibentuk pada hari ini ataupun pembangunan yang telah dikecapi. Justeru itu, pengkajian ini adalah penting dalam memberikan pengetahuan dan pengajaran kepada dalam pembentukan hubungan antarabangsa Malaysia. Malah, pengkajian terhadap tempoh ini membawa kepada pemahaman lebih mendalam terhadap pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan dan keberkesanannya sepanjang tempoh tersebut untuk meningkatkan perkembangan pertanian di Malaysia.

Tambahan pula, kebanyakan kajian yang dilakukan lebih memberi fokus kepada ekonomi Malaysia secara am. Pertanian di Malaysia memainkan peranan penting dalam perkembangan ekonomi Malaysia kurang diberi penekanan oleh para pengkaji. Justeru itu, fokus kajian ini membincangkan secara khusus tentang perkembangan pertanian di Malaysia selepas penubuhan Malaysia. Melalui kajian ini, pengkaji berharap masyarakat umum terutamanya generasi muda dapat mengetahui lebih mendalam tentang perkembangan hubungan eksport hasil pertanian di Malaysia. Pemahaman yang diperolehi melalui kajian ini akan mengelakkan berlaku pertelingkahan dan salah faham maklumat. Manfaat daripada kajian ini juga dapat dijadikan sebagai rujukan untuk kajian yang berkaitan pada masa akan datang khasnya kepada pertanian di Malaysia.

1.7 Skop Kajian

Skop kajian ini tertumpu kepada perkembangan pertanian dan hubungan import dan eksport hasil pertanian di Malaysia dengan Amerika Syarikat dari tahun 1970 sehingga tahun 1990. Namun kajian ini hanya akan memberikan fokus kepada negara Amerika Syarikat. Tahun 1970 hingga 1990 ini dipilih kerana Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan tahun 1970 hingga 1990. Selain itu, Rancangan Malaysia Kedua RMK-2 (1971-1975), Rancangan Malaysia Ketiga RMK-3 (1976-1980) dan Rancangan Malaysia Keempat RMK-3 (1981-1985) dan Rancangan Malaysia Kelima RMK-5 (1985-1990) turut dilaksanakan dalam tempoh ini. Dasar Pertanian Malaysia Pertama (DPN1) tahun 1986 hingga 1991 dan Pelan Induk Perindustrian tahun 1986 juga termasuk dalam skop kajian. Selain itu, skop kajian ini dipilih kerana pada tahun 1970-1980 ekonomi Malaysia mengalami defisit dan zaman kegawatan ekonomi Malaysia iaitu awal tahun 1980-an kerana kenaikan harga minyak akibat revolusi Iran. Apabila menjelang tahun 1990 ekonomi Malaysia mulai mencapai kestabilan di bawah pemerintahan Tun Dr. Mahathir bin Mohamad.

1.8 Sorotan Kajian Lepas

Aktiviti ekonomi di Malaysia dibahagikan kepada tiga sektor.²⁴ Antaranya ialah sektor primer, sekunder dan tertiar. Sejak zaman kolonial, sektor primer telah kekal sebagai ekonomi utama bagi Malaysia. Misalnya, pertanian, perhutanan dan perlombongan menjadi penyumbang utama kepada KDNK negara. Hasil eksport sumber tersebut menyumbang kepada pendapatan negara melalui hubungan perdagangan antarabangsa.

²⁴ Mohd Rosli & Mohamed Aslam. (2000). *Pembangunan Ekonomi Malaysia Era Globalisasi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Hlm.67.

Justeru itu, Malaysia menjalankan pelbagai bentuk hubungan ekonomi melalui pertubuhan dan pelaksanaan dasar luar dan bagi mencapai status negara membangun.

Dalam perkembangan ekonomi dunia, terdapat pelbagai krisis atau isu antarabangsa yang turut mempengaruhi aliran perdagangan dunia yang kemudian menjelaskan aliran perdagangan luar Malaysia. Kejatuhan kuasa ekonomi kuat dunia misalnya akan mempengaruhi import dan eksport negara pengeluar seperti Malaysia kerana akan mengurangkan permintaan di pasaran. Angus Maddison misalnya dalam *The World Economy* menulis bahawa terdapat beberapa peristiwa mengejutkan yang telah menjelaskan perkembangan ekonomi dunia dan menjelaskan beberapa kawasan bagi tempoh yang berbeza.²⁵ Pertama ialah cabaran tiga kali ganda kepada kumpulan kapitalis pada awal tahun 1970-an iaitu inflasi yang berlaku dengan pantas, kejatuhan sistem kewangan antarabangsa iaitu sistem Bretton Woods dan tindakan *The Organization of the Petroleum Exporting Countries* (OPEC) untuk menaikkan harga minyak. Kedua ialah krisis hutang melanda Amerika Latin pada tahun 1980-an. Ketiga ialah kejatuhan harga aset Jepun sekitar tahun 1990 yang membawa kepada kesan deflasi. Keempat ialah perpecahan antara *Union of Soviet Socialist Republics* (USSR) pada tahun 1991. Giorgio Riello and Tirthankar Roy dalam *Global Economy History* bersetuju dengan Angus Maddison bahawa krisis hutang antarabangsa dan kenaikan harga minyak turut menjelaskan perkembangan ekonomi antarabangsa.²⁶ Namun begitu, penulis turut menambah bahawa perkembangan ekonomi juga terkesan daripada proses dekolonialisasi dalam tempoh 1950-an dan 1970-an di mana kebanyakan negara baru mula merangka struktur ekonomi baru untuk mencapai objektif pembangunan dan

²⁵ Angus Maddison. (2006). *The World Economy*. France: Development Centre Of The Organisation For Economic Co-Operation And Development (OECD). Hlm. 67.

²⁶ G. Riello & T. Roy. (2018). *Global Economy History*. London: Bloomsbury Academic Publishing. Hlm. 14.

kebanyakan negara memilih polisi Sosialis yang memberi kuasa kepada kerajaan mengawal ekonomi negara.

Dalam hubungan perdagangan antarabangsa, Malaysia mempunyai hubungan yang baik dengan Amerika Syarikat terutamanya dari segi kerjasama keselamatan dan ekonomi. W. Hassan,W Shawaluddin: Peter, Diana dalam *Malaysia-United States Relations in the 1990's: Rethoric & Reality* sebagai contoh menulis bahawa Malaysia dan Amerika melaksanakan *Bilateral Training & Cooperation* (BTAC) tahun 1984 yang membolehkan Malaysia mendapat manfaat seperti latihan ketenteraan, kepakaran, sokongan logistik dan isu keselamatan awam.²⁷ Malah penulis turut menyatakan bahawa pelaburan Amerika Syarikat di Malaysia meningkat pada penghujung 1980an. Walaupun kedua-dua negara mempunyai hubungan saling memerlukan terutamanya dari segi ekonomi, namun kedua-dua negara mempunyai pandangan perbezaan dari segi demokrasi dan hak kemanusiaan. Perkara ini dapat dilihat dalam *Malaysia: Background and U.S Relations* oleh Lan E. Rinehart yang menyebut bahawa Amerika Syarikat mengkritik kelemahan Malaysia dalam menangani isu perdagangan manusia, menyekat kebebasan akhbar dan pelaksanaan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 atau *Internal Security Act 1960* (ISA) yang membolehkan penahanan tanpa perbicaraan bagi seseorang yang mengancam keselamatan negara.²⁸ Jelas bahawa walaupun Amerika Syarikat sering melihat kelemahan dari segi politik Malaysia, namun tidak melemahkan hubungan antara kedua-dua negara tersebut kerana Malaysia tidak mempedulikan tindakan atau pandangan Amerika Syarikat. Bagi Malaysia hubungan antara kedua-dua

²⁷ W. Hassan, W. Shawaluddin & Peter, Diana. (2017). Malaysia- United States Relation in the 1990's: Rethoric&Reality. *Sejarah: Jurnal Jabatan Sejarah*, 11(11).

²⁸ Lan E. Rinehart. (2019). *Malaysia: Background and U.S Relations*. (R43505; Nov 19, 2015). Library of Congress: U.S. Congressional Research Service. Diakses pada 10 Jun 2020 dari <https://fas.org/sgp/crs/row/R43505.pdf>

negara dilihat lebih kepada ekonomi dan keselamatan kerana Malaysia masih belum mencapai tahap teknologi tinggi dan industri yang mempunyai nilai tambah tinggi.

Meskipun Malaysia dan Amerika Syarikat membentuk hubungan bilateral yang jelas dilihat melalui kerjasama dalam perkara ekonomi dan pertahanan, namun Amerika Syarikat dilihat mempunyai pengaruh yang kuat dari segi hubungan global, serantau, dan bilateral. Dalam *Malaysia And The U.S: Rejecting Dominance, Embracing Engagement* oleh Helen E S.²⁹ Nesadurai misalnya menjelaskan bahawa penubuhan *Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC) oleh Amerika Syarikat membimbangkan kerana khuatir APEC akan dipergunakan sebagai alasan bagi memperbaharui ekonomi Asia Timur termasuk Malaysia menuju kepada imej kapitalisme seperti pasaran dan politik liberal. Malah liberalisasi ekonomi pramatang juga akan menjelaskan perkembangan keupayaan industri dan teknologi dalam negara. Namun begitu, Malaysia yang tidak mahu tunduk dengan kuasa Amerika Syarikat kemudian bertindak mencadangkan penubuhan *East Asia Economy Group* (EAEG). Sebagai contohnya dalam *Malaysia's U. S Policy Under Najib: Structural & Domestic Sources of a Small State's Startegy*, Cheng-Chwee Kuik, menyatakan bahawa EACG adalah tindak balas Malaysia bagi menstabilkan pengaruh Barat terutamanya Amerika Syarikat dan bagi Malaysia negara Asia Timur harus bekerjasama bagi menstabilkan pengaruh kepada Amerika Syarikat.³⁰ Malah apabila diteliti, Malaysia dianggap mengenepikan Amerika Syarikat dengan memihak kepada ekonomi Asia Timur, namun secara tidak sedar Amerika Syarikat turut melakukan perkara yang sama melalui penubuhan blok sendiri iaitu *North American Free Trade Agreement* (NAFTA) yang mempunyai dasar

²⁹ Helen E. S Nesadurai. (2004). *Malaysia And The United States: Rejecting Dominance, Embracing Engagement*. Institute Of Ecoference And Strategic Studies Singapore: National Library Board Singapore.

³⁰ Cheng-Chwee Kuik. (2013). *Malaysia's U. S Policy Under Najib: Structural & Domestic Sources of a Small State's Startegy*. *Asian Security*, 9(13), 143-164.

perlindungan. Justeru itu, kuasa gergasi Amerika Syarikat jelas boleh membantu dan dalam masa yang sama memudaratkan kepentingan Malaysia.

Dasar luaran Malaysia yang berubah mengikut perubahan tumpuk pemerintahan turut mempengaruhi bentuk hubungan Malaysia dengan Amerika Syarikat. Dalam tempoh 1970 hingga 1990, dasar luar Malaysia berubah dari Dasar pro-Barat, Dasar anti-Komunis, Dasar Berkecuali, *Buy British Last* dan Dasar Pandang Ke Timur. Penulis Mohd Afendi Daud & Junaidi Awang Besar dalam *Meninjau Kembali Dasar pandang Ke Timur Mahathir: Penelitian Aspek Perlaksanaan dan Implikasi* turut memperjelaskan bahawa Dasar Pandang Ke Timur menjadi satu kejutan kepada pihak barat kerana menganggap Malaysia telah memberi kelebihan banyak kepada Jepun. Perkara ini sebenarnya jelas membawa kepada salah faham pihak Barat termasuk Amerika Syarikat sehingga menimbulkan isu pihak Malaysia lebih berat sebelah dalam pemberian kontrak kepada negara Jepun.³¹ Perkara yang merisaukan ialah protes pihak Barat kerana tidak dapat mengawal dan mempengaruhi Malaysia dan merugikan ekonomi Amerika Syarikat. Dasar tersebut walau bagaimanapun ibarat “cakap tidak serupa bikin”, tidak dapat lari daripada Amerika Syarikat, Malaysia dilihat tetap menjalankan kerjasama erat dengan Amerika Syarikat. Misalnya Adnan Abu Bakar dalam *Malaysia-U.S Relations: Influencing Factors and Its Impact on Malaysia* menjelaskan dalam tahun 1990-an, perdagangan dan pelaburan Malaysia dan Amerika Syarikat sangat aktif seperti *U.S-Malaysia Business Council* berpusat di Washington D.C, *American Malaysian Chamber of Commerce* (AMCHAM), dan *Malaysian American Electronic Cooperation* (MAEI) berpusat di Kuala Lumpur.³² Malaysia

³¹ M. Afendi Daud & J. Awang Besar (2006). Meninjau Kembali Dasar pandang Ke Timur Mahathir: Penelitian Aspek Perlaksanaan dan Implikasi. *Malaysia Journal of Society and Space*, 12(90), 79-91.

³² Adnan Abu Bakar. (2019). *Malaysia-U.S Relations: Influencing Factors and Its Impact on Malaysia*. United States Army War College: Strategy Research Project International Fellow. Diakses 6 September 2019 dari <https://apps.dtic.mil/dtic/tr/fulltext/u2/a588579.pdf>

sebenarnya ingin memperjuangkan hak dan nilai Asia dan negara dunia ketiga terutamanya dari segi ekonomi namun kehadiran Amerika Syarikat di Asia Tenggara adalah perlu. Malah Amerika Syarikat dilihat penting dalam perkembangan sektor kelapa sawit tahun 1960-an dan pelaburan dalam industri elektronik tahun 1970-an.

Walaupun berlaku perubahan dalam hubungan antarabangsa Malaysia, namun Amerika Syarikat dilihat tetap menjadi destinasi import dan eksport yang penting. Kepentingan hubungan dengan Amerika Syarikat juga disebut oleh Rohani Mustafa dan Harunnizam Wahid dalam *Dasar Pembangunan dan Ekonomi* menyatakan haluan eksport Malaysia banyak tertumpu ke negara Eropah pada tahun 1960.³³ Namun bermula tahun 1965, haluan perdagangan utama eksport telah berubah ke rantau ASEAN terutamanya Singapura yang merupakan pengimpor utama Malaysia sejak tahun 1960-an. Haluan perdagangan juga banyak tertumpu kepada tiga negara utama iaitu Singapura, Amerika Syarikat dan Jepun. Sebaliknya, berbeza dengan penulisan Habibah Lehar dalam *The Malaysian Economy Past and Present* beliau berhujah bahawa kebanyakan komoditi dan barang pembuatan Malaysia dieksport ke pasaran Singapura, Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah.³⁴ Pada tahun 1975 misalnya, eksport Malaysia paling banyak menuju ke rantau ASEAN, diikuti Amerika Syarikat. Jelas bahawa terdapat perbezaan pandangan tentang destinasi perdagangan Malaysia namun persamaan dalam setiap haluan perdagangan ialah Amerika Syarikat tetap menjadi pasaran eksport Malaysia dan menjadi semakin penting menjelang tahun 1990-an.

Perubahan dalam hubungan perdagangan tradisional Malaysia dengan Britain turut mempengaruhi perdagangan antarabangsa Malaysia. Keinginan Malaysia untuk

³³ Rohaini Mustafa & Hairunnizam Wahib. (1998). *Makroekonomi Malaysia Perspektif Dasar: Dasar Perdagangan dan Pembangunan Ekonomi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 98.

³⁴ Habibah Lehar. (2008). *The Malaysian Economy: Past and Present*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA). Hlm. 74.

bersaing dengan negara maju membawa kepada perubahan dalam pasaran eksport hasil pertanian Malaysia. Li Dun Jen dalam *British Malaya: an Economic Analysis* menulis bahawa negara Eropah terutamanya United Kingdom merupakan pasaran eksport dan import utama Malaya sejak awal abad ke-19 diikut oleh Belanda.³⁵ Misalnya eksport ke United Kingdom merangkumi hampir separuh daripada jumlah eksport Malaya iaitu 47 peratus pada tahun 1895. Namun begitu, Li Dun Jen turut menambah bahawa Amerika Syarikat juga tidak kurang pentingnya kepada pasaran eksport Malaysia terutamanya dalam eksport bijih timah dan getah menjelang pertengahan tahun 1990-an. Namun begitu, perdagangan dengan Eropah dilihat mulai disaingi oleh Amerika Syarikat sejak 1970-an. Malah Eropah dilihat berusaha bersaing dengan Amerika Syarikat kerana bimbang pengaruh Amerika Syarikat terutamanya di Asia Tenggara yang mempunyai hasil pertanian yang besar. Perkara ini bertambah buruk apabila Malaysia mula memanifestasikan Dasar anti-British. Perkara ini dapat dilihat melalui penulisan Faridah Jaafar dalam *Hubungan Ekonomi Antarabangsa Period Tunku Abdul Rahman dan Dr Mahathir Mohamad: Satu Kajian Komparatif* yang menyebut bahawa *Buy British Last* untuk mengurangkan pergantungan Malaysia terhadap British sejak zaman Tunku Abdul Rahman melalui Dasar pro-Barat.³⁶ Justeru itu, konsep tersebut lebih dilihat sebagai pro-Malaysia kerana bukanlah bersifat anti-Barat atau anti-Timur.

Kajian terdahulu telah menulis bahawa import dan eksport pertanian di Malaysia mengalami keadaan merosot dan sumbangannya kepada pendapatan negara turut menurun. Malah terdapat pelbagai faktor dalam dan luar negara yang menyumbang kepada keadaan tersebut berlaku. Dalam *Struktur Pertumbuhan Ekonomi*

³⁵ Li. D.J. (1982). *British Malaya: An Economic Analysis*. Kuala Lumpur: Institut Analisa Sosial (INSAN). Hlm. 121.

³⁶ Faridah Jaafar. (2015). Hubungan Ekonomi Antarabangsa Period Tunku Abdul Rahman dan Dr Mahathir Mohamad: Satu Kajian Komparatif, SARJANA. *Journal of Arts and Social Science, University of Malaya*, 27(2), 29-3..

Negara Sehingga 1995, Mariani Abdul Majid dan Md. Zahir Kechot menerangkan bahawa eksport sektor pertanian pada tahun 1960 merangkumi 66 peratus daripada jumlah eksport Malaysia.³⁷ Sumbangannya ke atas jumlah eksport terus menurun kepada 19 peratus pada tahun 1990 berbanding 45 peratus tahun 1980. Habibah Lehar dalam *The Malaysian Economy Past and Present* juga menyatakan perkara yang sama iaitu sumbangan pertanian kepada KDNK menurun pada tahun 1970 dari 32.2 peratus kepada 20.8 peratus pada tahun 1985.³⁸ Namun begitu, kedua-dua penulis menulis perkara yang berbeza tentang sebab berlakunya penurunan eksport pertanian. Mariani Abdul Majid dan Md. Zahir Kechot menulis penurunan berlaku disebabkan oleh peningkatan mendadak sumbangan barang pembuatan ke atas eksport negara dari 22 peratus pada tahun 1980 kepada 59 peratus pada tahun 1990. Manakala Habibah Leher menyatakan bahawa perubahan tersebut berlaku kerana kesan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1985. Namun begitu, ketegangan antara Malaysia dan Amerika Syarikat yang wujud sepanjang hubungan antara kedua-dua negara tersebut sejak tahun 1950-an banyak mempengaruhi eksport hasil pertanian terutamanya dalam komoditi getah dan minyak kelapa sawit. Ketegangan tersebut wujud dalam pelbagai bentuk seperti tindakan Amerika Syarikat melabelkan minyak kelapa sawit sebagai minyak tenu, tindakan Malaysia mencadangkan *East Asian Economy Group* (EAEG) dan sebagainya.

Selain itu, polisi dan rancangan kerajaan turut memberi kesan kepada pertumbuhan sektor pertanian dan seterusnya mempengaruhi import dan eksport hasil pertanian di Malaysia. Kerajaan mula memberi perhatian terhadap sektor perindustrian

³⁷ Mariani Abdul Majid & M.d Zahir Kechot. (1998). *Makroekonomi Malaysia Perspektif Dasar: Struktur Pertumbuhan Ekonomi Negara Sehingga 1995*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 129.

³⁸ Habibah Lehar. (2008). *The Malaysian Economy: Past and Present*. Shah Alam: University Publication Center (UPENA). hllm. 90.



yang dianggap lebih menguntungkan berbanding sektor pertanian. Misalnya, Anwar Ali dan Rajah Rasiah dalam *Perindustrian dan Pembangunan Ekonomi di Malaysia* membincangkan perubahan strategi pelaksanaan dari berorientasikan pertanian kepada perdagangan dan perindustrian. Penulis juga menyatakan bahawa DEB telah menjadi teras strategi pembangunan negara dan meninggalkan pelbagai kesan dan implikasi terhadap pertumbuhan perindustrian di Malaysia.³⁹ Beberapa isu yang dapat dikaitkan dengan DEB menimbulkan implikasi terhadap pertumbuhan sektor perindustrian, termasuk keperluan untuk menentukan penyertaan ekuiti bumiputera dalam sektor perindustrian. Nik Hashim dan Zulkifly Osman dalam *Dasar Ekonomi Malaysia: Satu Sorotan* juga menyatakan bahawa sektor perindustrian diberikan penekanan untuk mengatasi masalah ekonomi negara. Ini kerana selain daripada menambahkan nilai serta meluaskan kegiatan eksport, usaha ini juga dapat mengurangkan beban import dan hutang negara.⁴⁰ Meskipun begitu, peranan pertanian dalam Malaysia berlandaskan kepada dualisme sektor dan pergantungan sektor lain terhadap keluaran pertanian, pelaburan pertanian, guna tenaga, pertanian dan banyak lagi. Justeru itu, dalam usaha menuju ekonomi maju dan berdaya saing, Malaysia sememangnya tidak dapat mengabaikan kepentingan sektor pertanian dalam perkembangan perindustrian.

Perubahan dalam sektor pertanian juga dikaitkan dengan sektor perindustrian. Perkembangan sektor perindustrian menjadikan sektor pertanian semakin kurang diberi perhatian sedangkan pertanian merupakan sumber penting bagi perkembangan sektor perindustrian negara. Kajian bertajuk *Analisis Dasar Pertanian: Peranan Sektor Pertanian dalam Pelan Induk Perindustrian* oleh Zakariah Abdul Rashid memuatkan

³⁹Anwar Ali. (1996). *Perindustrian Dan Pembangunan Ekonomi Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm.78.

⁴⁰Nik Hashim&Zulkifly Osman. (1989). *Dasar Ekonomi Malaysia:Satu Sorotan*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 63.



peranan sektor pertanian dalam proses perindustrian Malaysia. Penulis juga menulis tentang input dan output pertanian yang turut dikaitkan dengan pertumbuhan industri.

⁴¹ Kajian ini lebih tertumpu kepada peranan penting gandingan sektor pertanian dalam proses perindustrian Malaysia. Sektor pertanian bukan sahaja membekalkan tenaga buruh dan makanan kepada sektor perkilangan seperti yang lumrah dijelaskan di dalam sebuah ekonomi dualistik, malah sektor pertanian, lebih penting lagi, membekalkan secara langsung dan tidak langsung input yang sangat diperlukan oleh sektor perkilangan. Perkara ini juga dipersetujui oleh Mohd Ariff et all dalam *Malaysia's Economy In The Nineties* yang menulis bahawa industrialisasi telah memberikan kesan kepada sektor pertanian.⁴² Cukai eksport yang membebankan mempengaruhi pengeluaran tanaman berdasarkan eksport. G. Sivalingam dalam *Malaysia's Agriculture Transformation* juga bersepakat dengan Mohd Aliff et al. bahawa sektor perindustrian akan lebih mengembang manakala sektor pertanian akan semakin mengecil.⁴³ Namun begitu, pertanian hanya akan mengecil dari segi relatif. Hal ini kerana pertanian bukan sahaja menyumbang kepada KDNK malah juga eksport, pertukaran mata wang asing dan pekerjaan.

Pertanian memberi keuntungan kepada ekonomi negara sejak bawah pemerintahan British. Walau bagaimanapun sepanjang DEB, pengeluaran hasil pertanian hanya mengalami peningkatan berbeza dengan aktiviti import dan eksport yang mengalami keadaan yang tidak stabil. Perkara ini dapat dilihat melalui beberapa kajian terdahulu. G. Sivalingam dalam penulisannya bertajuk *Malaysia's Agriculture*

⁴¹ Abdul Rashid, Zakariah. (1992). Analisis Dasar Pertanian: Peranan Sektor Pertanian dalam Pelan Induk Perindustrian. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 26, 95-125.

⁴² Mohd Ariff et all. (1994). *Malaysia's Economy In The Nineties*. Selangor: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd. Hlm. 89.

⁴³ G. Sivalingam. (1993). *Malaysia's Agriculture Transformation*. Selangor: Pelanduk Publications. Hlm. 98.

Transformation berhujah bahawa sektor perindustrian membangun selepas pengenalan *Promotion Of Investment Act* (PIA) 1986 dan seterusnya menjadikan sektor pertanian sebagai satu pusat keuntungan.⁴⁴ Duti eksport yang rendah juga menggalakkan penanaman lebih banyak tanaman berorientasikan eksport. Namun begitu, Mohd Rosli dan Mohamed Aslam dalam *Pembangunan Ekonomi Malaysia Era Globalisasi* menyatakan bahawa sektor pertanian pada tahun 1970-an membangun dengan pesat sepanjang pelaksanaan DEB kerana adanya pembukaan tanah baharu dan Pembangunan *in-situ*.⁴⁵ Tetapi sejak 1980-an, sektor pertanian mula memperlihat aliran menurun dan merosot sehingga menyebabkan kerajaan melaksanakan Dasar Pertanian Negara. Dalam usaha meningkatkan eksport hasil pertanian, sekiranya dilihat secara global, perkara yang perlu diutamakan ialah hubungan perdagangan luar Malaysia terutamanya negara Barat kerana tidak seperti negara ASEAN mereka mempunyai kuasa beli yang lebih tinggi kerana tidak mempunyai hasil pertanian yang sama seperti Malaysia.

1.9 Pembahagian Bab

Penulisan ini dibahagikan kepada enam bab yang utama dan berikut adalah ringkasan perbincangan mengikut bab.

Bab 1

Penyelidik membincangkan secara ringkas mengenai perkara yang akan dibincangkan dalam bab yang seterusnya. Penyelidik memasukkan pengenalan, latar belakang,

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ Mohd Rosli & Mohamed Aslam. (2000). *Pembangunan Ekonomi Malaysia Era Globalisasi*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya. Hlm. 34.



permasalahan kajian, objektif kajian, metodologi kajian, kepentingan kajian, skop kajian, sorotan kajian lepas, pembahagian bab dan kesimpulan.

Bab 2

Bab 2 mengupas berkaitan dengan latar belakang pertanian di Malaysia tahun 1970 sehingga tahun 1990. Perubahan polisi dan rancangan pertanian di Malaysia sepanjang tempoh kajian turut dibincangkan. Selain itu, masalah dalam sektor pertanian juga dihuraikan.

Bab 3

Dalam bab 3, pengkaji mengulas tentang jenis eksport hasil pertanian Malaysia dengan Amerika Syarikat dari tahun 1970 hingga tahun 1990. Hubungan ekonomi antara Malaysia dengan Amerika Syarikat turut dimuatkan dalam bab ini.



Bab 4

Dalam bab 4, pengkaji akan menganalisis perkembangan eksport yang mula tahun 1970 hingga 1990. Perkara yang akan dibincangkan dalam bab ini adalah pendapatan eksport hasil pertanian ke Amerika Syarikat dan bagaimana setiap hasil pertanian yang berbeza menyumbang kepada hasil eksport negara.

Bab 5

Bagi bab 5, pengkaji akan membincangkan tentang cabaran hubungan atau kerjasama ekonomi antarabangsa yang dijalankan Malaysia dengan Amerika Syarikat pada tahun 1970 hingga 1990. Cabaran ini dibahagikan oleh pengkaji kepada dua jenis iaitu bersifat dalaman dan luaran. Pengkaji juga memuatkan langkah kerajaan dalam menghadapi cabaran tersebut.





Bab 6

Dalam bab terakhir iaitu bab 6 penyelidik menyimpulkan kajian dapatan yang merangkumi perkembangan ekonomi, hubungan eksport hasil pertanian Malaysia ke Amerika Syarikat dan cabaran yang dihadapi pada tahun 1970 sehingga 1990.

1.10 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian ini memperlihatkan latar belakang pertanian di Malaysia bagi tempoh 1970 hingga 1990 untuk memberikan pemahaman menyeluruh tentang kesan eksport hasil pertanian di Malaysia. Sehubungan itu, kajian memberi fokus utama terhadap hubungan eksport hasil pertanian Malaysia Amerika Syarikat dan bentuk kerjasama yang dijalankan sepanjang tempoh kajian. Pengkaji seterusnya membincangkan cabaran antara hubungan kedua-dua negara dan langkah yang diambil oleh kerajaan dalam mengatasi cabaran yang dihadapi.

